

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN SU KEONG SIONG**

KAWASAN : **IPOH TIMOR**

TARIKH : **2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

NO. SOALAN : **10**

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa banyak hab halal telah dimulakan oleh Kerajaan. Apakah kadar kejayaan hab halal yang telah beroperasi dan jenis industri yang menyertai hab halal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini terdapat 21 taman halal di seluruh negara di mana 19 taman halal adalah di bawah seliaan agensi kerajaan pusat serta kerajaan negeri dan dua (2) taman halal adalah milik swasta. Setakat ini sebanyak 13 taman halal telah menerima status HALMAS dari HDC bagi melayakkan pengendali taman halal, peserta industri dan pengendali logistik menikmati insentif dan galakan cukai.

Sehingga kini, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.5 billion di mana RM2.6 billion (32%) merupakan pelaburan tempatan dan mewujudkan lebih daripada 5,500 peluang pekerjaan.

Jenis industri taman halal adalah dalam sektor pemprosesan makanan, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan, farmaseutikal serta ternakan. Selain daripada itu, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor/industri yang menyokong rangkaian industri halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lapan (8) daripada 13 taman halal yang telah dianugerahkan status HALMAS bergerak aktif dalam menjalankan operasi perniagaan.